**PERSATUAN INDUSTRI KESELAMATAN MALAYSIA**

**(MALAYSIA SECURITY INDUSTRY ASSOCIATION)**

NOMBOR PENDAFTARAN: PPM-002-10-11031980 / WWW.PIKM.MY

*Presiden*
DATO' SRI HJ RAMLI B. HJ YUSUFF

*TimbalanPresiden*
MOHAMMAD UBAIDILLAH BIN IMAN

*Naib Presiden*
DATO' HJ. JAAFAR BIN HJ MAT
BRIG JEN DATO' ZAINAL BIN ABD RAHMAN TUDM (B)
SALIZA BT ABDULLAH

*SetiausahaKehormat*
DATO' HABIBULLAH BIN DATO' HJ AHMAD

*BendahariKehormat*
FIKHRAN HAMSHI BIN TAN SRI HJ MOHAMAD FATMI

*PenolongSetiausaha*
ASSYANUR NASYRAH BT ISHAK

*PenolongBendahari*
AINI SURAYA BINTI DATUK OSMAN

*Ahli-ahliJawatankuasa*
KAPTEN DATO' ISMAIL B. ISHAK (B)
DATO' ROSMARAYU BINTI MOKHTAR
DATUK HJ ZAIDI BIN MOHAMED
MEJAR MOHD ZAINAL BIN JUNI (B)
IR. SOFIA BINTI JOHARI
DATUK SHANKER RAJ AYANGER
ZAKARIA BIN ADAM
DATO' DR BASANT SINGH SIDHU
DATO' YUNUS BIN RAHMAT

*JuruauditDalaman*
MOHD HODORI B. SARBINI
ZAINAL ABIDIN BIN MD KASIM

*Pengerusi WP Kuala Lumpur*
ADILA BIN DATO' ABDULLAH

*Pengerusi Negeri Selangor*
DATO' DR. S. PRABAKARAN

*Pengerusi NegeriJohor*
DATUK MHD. TAHIR B. MOHD NOAH

*Pengerusi Negeri Perak*
ZAITON BT MOHD NUSI

*Pengerusi NegeriKelantan*
AFENDI BIN MUKHTAR

*Pengerusi NegeriTerengganu*
CHE MOHAMAD NOOR BIN HUSAIN

*Pengerusi Negeri Pahang*
MOHAMAD TARMIZI B. MOHAMAD GHANI

*Pengerusi NegeriPulau Pinang*
MUHAMMAD SYAFIQ B. ISHAK

*Pengerusi NegeriKedah & Perlis*
DATO' MD ROSLI BIN ABD WAHAB

*Pengerusi Negeri Melaka*
DATO' SRI GAN PENG LAM

*Pengerusi Negeri Sembilan*
HAJI KHAIDZER BIN HAJI KEDAH

*Pengerusi NegeriSabah*
MOHD ISMAIL BIN AYOB

*Pengerusi NegeriSarawak*
SHAHARUDDIN B. SAMSI

*Sekretariat*

*PengurusBesar*
JEFF NOR JETTEY

PIKM/SEKRETARIAT/EDARANAHLI/2023(9) 16 MAC 2023

**SEMUA AHLI PIKM**
(U/P: Pengarah Urusan)

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PIKM KE-9/2023:**
**PELANJUTAN PENANGGUHAN KEPERLUAN SIJIL PROGRAM LATIHAN CERTIFIED SECURITY GUARDS (CSG) DAN CERTIFIED BODYGUARD (CBG) BAGI URUSAN PERMOHONAN BARU DAN PEMBAHARUAN PERMIT SENJATA API (CARRY & USE) BAGI TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk serta surat Kementerian Dalam Negeri (KDN) Rujukan: KDN.K.S.700-3/1/18 Jld 2(1) bertarikh 15 Mac 2023 seperti yang dikembarkan turut berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa KDN bersetuju untuk melanjutkan keperluan sijil Program Latihan Certified Security Guards (CSG) dan Certified Bodyguard (CBG) bagi urusan permohonan baru dan pembaharuan permit senjata api [Carry & Use (C&U)] bagi tahun 2023. Antara butiran penting daripada surat tersebut adalah seperti berikut:

2.1 Penangguhan keperluan sijil Latihan CSG & CBG dilanjutkan bagi tahun 2023 untuk urusan permohonan baru dan pembaharuan permit senjata api (C&U);

2.2 Permohonan pembaharuan permit pada tahun berikutnya memerlukan bukti sijil Latihan CSG atau CBG.

2.3 Pengecualian ini tidak terpakai kepada pembaharuan permit C&U yang diluluskan pada tahun 2016 dan sebelumnya.

3. Mengambil kira Latihan CSG telah dilaksanakan pada bulan Mac 2023, PIKM menyarankan agar pengawal keselamatan yang telah memohon permit senajata api C&U untuk membuat pendaftaran dan menghadiri Latihan CSG pada tahun ini sebagai persiapan bagi pembaharuan permit C&U tahun hadapan.

SEKRETARIAT PIKM: UNIT 715 & 716, BLOK A, TINGKAT 7, KELANA BUSINESS CENTRE, JALAN SS7/2, KELANA JAYA, 47301 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-7804 7359 / 03-7804 9358 FAKS : 03-7886 7246 / 03-7803 8691

Untuk makluman dan perhatian Ahli-ahli PIKM.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



**DATO' SRI HJ RAMLI BIN HJ YUSUFF**
**PRESIDEN**

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI**
BAHAGIAN KESELAMATAN
ARAS 9 & 10, BLOK D1, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62546 PUTRAJAYA.

Tel : 03-8000 8000
Faks : 03-8889 1763/1751
Web : www.moha.gov.my

Rujukan : KDN.K.S.700-3/1/18 Jld 2 (1)
Tarikh : 15 Mac 2023

Ketua Lesen Pasukan
Urus Setia KPN (Lesen Senjata Api)
Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur
*lesensenjataapiba@rmp.gov.my* No. Faks: 03-22661050

Tuan,

**PEMBAHARUAN PERMIT SENJATA API (C&U) PENGAWAL KESELAMATAN BAGI PEMILIK C&U TANPA SIJIL CSG ATAU CBG TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Merujuk kepada surat terdahulu **KDN.K.S.700-3/1/18 (59)** permohonan dan pembaharuan permit senjata api (*carry and use*, C&U), pengawal keselamatan hendaklah mengambil kira syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan sebagaimana Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 berhubung Garis Panduan Permohonan dan Pengendalian Senjata Api oleh Syarikat Agensi Persendirian/Syarikat Kawalan Keselamatan yang Berlesen di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 termasuklah menghadiri Latihan *Certified Security Guard* (CSG) atau *Certified Bodyguard* (CBG) terlebih dahulu.

3. Walaubagaimanapun, setelah mengambil kira pandangan pihak industri dan meneliti cadangan daripada pihak Urus Setia KPN (Lesen Senjata Api), Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, KDN bersetuju untuk melanjutkan pengecualian keperluan sijil CSG atau CBG bagi permohonan baru dan pembaharuan permit C&U pada tahun 2023. Ini adalah berikutan kekangan jumlah kursus CSG dan CBG yang dijalankan sepanjang tempoh 2023 dan pelaksanaan kursus yang tertangguh pada tahun sebelumnya berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Walaubagaimanapun semua permohonan pembaharuan permit C&U pada tahun berikutnya hendaklah disertakan dengan bukti kehadiran Latihan CSG atau CBG.

4. Pengecualian ini tidak terpakai kepada pembaharuan permit C&U yang mana permit C&U diluluskan pada tahun 2016 dan sebelumnya. Pembaharuan permit C&U bagi kelulusan sebelum tahun 2016 hendaklah dikemukakan bersama bukti kehadiran CSG atau CBG.

4. Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(HAIRUDDIN BIN ABDULLAH)**
Bahagian Keselamatan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

**s.k:**

YBhg. Datuk KSU
YBhg. Dato' TKSU (Keselamatan)
YBrs. SUB (K)
YBrs. Timb. Pengarah Pengurusan (Latihan) PDRM
YBhg. Dato' Sri Presiden PIKM